

Fakta nombor

Ekspo Kerjaya
UPM 2016

4,000 PELUANG
Pekerjaan ditawarkan

52 SYARIKAT
mengambil bahagian



Profesor Dr Mohammad Shatar merasmikan Ekspo Kerjaya UPM 2016 yang turut dihadiri Dr Mass Hareeza (kanan).



Ekspo kerjaya UPM 2016 mendapat sambutan pengunjung.

Ekspo Kerjaya UPM 2016

Serdang: Karnival kerjaya adalah medan untuk mahasiswa bertemu bakal majikan, sekali gus menonjolkan diri bagi menembusi pasaran pekerjaan atau memulakan suatu perniagaan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata justeru mahasiswa harus memanfaatkan sepenuhnya peluang keemasan itu yang disediakan oleh

institusi pengajian tinggi (IPT) mahupun agensi luar.

Berbanding dulu, beliau berkata, banyak program kerjaya dianjurkan oleh pelbagai pihak kini, selain kewujudan laman sesawang yang menyediakan maklumat mengenai tawaran sedia ada.

Bersiap sedia

"Sebagai contoh, Ekspo Kerjaya UPM kali ini menyediakan 4,000 peluang pekerjaan ditawarkan oleh 52 syarikat dari-

pada pelbagai industri.

"Oleh itu, pelajar perlu hadir dalam keadaan bersiap sedia untuk terus ditemu duga oleh pihak syarikat terbabit dan bukan sekadar meninjau atau hanya memakai selipar ke ekspo ini.

"Ketika melawat gerai peserta, saya berbangga apabila ada beberapa syarikat memperkenalkan kakitangan mereka sebagai graduan UPM yang direkrut daripada Ekspo Kerjaya UPM tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Ekspo Kerjaya UPM 2016 di sini, baru-baru ini, anjuran Pusat Pembangunan Keusahawanan & Kebolehpasaran Graduan (CEM) universiti itu.

Yang turut hadir ialah Pengarah CEM, Dr Mass Hareeza Ali.

Lonjakkan kebolehpasaran

Mengulas lanjut, Profesor Dr Mohammad Shatar berkata, Kementerian Pendidikan Tinggi menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI)

untuk 80 peratus graduan mendapat pekerjaan sebelum konvokesyen.

Dalam konteks ini, beliau berkata, UPM sudah mencapai kadar 83 peratus tahun lalu yang antara lain dibantu keberkesanan ekspo seumpama melonjakkan kebolehpasaran mahasiswa saban tahun.

"Selain mengetengahkan peluang pekerjaan, CEM UPM turut menyediakan ceramah kerjaya dan menampilkan enam ikon usahawan berjaya dalam kalangan mahasiswa universiti untuk berkongsi pengalaman dengan pengunjung.